

Bukti prestasi reformasi tentukan jalur cerita PRU16

- Keputusan PRN tak boleh dipindah secara mekanikal jadi ramalan PRU. Isu, calon, kadar keluar mengundi, konfigurasi gabungan dan pertimbangan siapa mampu bentuk Kerajaan Persekutuan adalah berbeza

- Persepsi negatif paling berkesan apabila realiti tidak menawarkan bukti balas. Apabila rakyat sendiri berasakan perubahan, propaganda menjadi lebih sukar



Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN) di Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Tulisan Ismail Hashim Yahaya, 'Apa peluang Anwar ada: Naratif kekalahan sebelum kalah?', dalam sebuah portal menarik perhatian kerana ia mengingatkan persepsi politik boleh berubah menjadi realiti.

Namun, analisis itu masih terlalu memberikan kuasa kepada naratif, algoritma dan emosi seolah-olah pengundi Malaysia akan menentukan Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) berdasarkan siapa paling berjaya membentuk cerita.

Namun, menjelang PRU16 politik prestasi dilihat akan menjadi jauh lebih penting daripada politik persepsi.

Memang benar Pakatan Harapan (PH) tidak menunjukkan prestasi memberangsangkan dalam beberapa Pilihan Raya Negeri (PRN), manakala sokongan Melayu perlu diberi perhatian serius.

Bagaimanapun, keputusan PRN tidak boleh dipindahkan secara mekanikal menjadi ramalan Pilihan Raya Umum (PRU).

Isu, calon, kadar keluar mengundi, konfigurasi gabungan dan pertimbangan mengenai siapa mampu membentuk Kerajaan Persekutuan adalah berbeza.

Menganggap satu keputusan negeri sebagai gambaran kepada PRU16 sebenarnya kesilapan sama dengan menggunakan 'naratif kekalahan sebelum kalah' yang dikritik penulis sendiri.

Ada tanggapan kelebihan lawan Datuk Seri Anwar Ibrahim terletak pada bahasa politik yang lebih mudah dan lebih emosional.

Namun, politik identiti, ketakutan dan kemarahan masih mempunyai tempatnya, tetapi pengundi Malaysia hari ini bukan pengundi pasif.

Mereka mempunyai akses kepada maklumat, membandingkan rekod kerajaan dan pembangkang, melihat prestasi negeri serta menilai sendiri keadaan ekonomi keluarga mereka.

Emosi tetap wujud dalam politik, tetapi semakin sukar untuk menjadikan emosi sebagai satu-satunya bahan bakar kemenangan nasional.

Di sinilah kelebihan terbesar Perdana Menteri bagi baki lebih setahun mandat ini. Beliau tidak perlu memenangi pertandingan slogan. Beliau perlu menunjukkan keputusan.

Asasnya sudah kelihatan. Ekonomi Malaysia berkembang 6.0 peratus pada suku kedua 2026 selepas 5.4 peratus pada suku pertama, didorong permintaan domestik, eksport dan pelaburan.

Bank Negara Malaysia (BNM) juga menjangkakan inflasi 2026 kekal sederhana dalam lingkungan 1.5 hingga 2.5 peratus.

Ini tidak bermakna masalah kos sara hidup selesai, tetapi ia menunjukkan kerajaan memasuki fasa akhir penggal dengan ruang lebih baik untuk menukar kestabilan makroekonomi kepada peningkatan pendapatan, pekerjaan berkualiti dan perlindungan sosial lebih terasa di peringkat isi rumah.

Petunjuk lain juga tidak harus dipandang kecil. Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) merekodkan RM20.3 bilion pelaburan langsung domestik syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLC) pada 2025, hampir tiga kali ganda berbanding 2024, di samping peluasan pendakatan gaji kehidupan kepada hampir 200,000 pekerja. Ukuran seperti ini mungkin kurang tersebar

berbanding polemik politik, tetapi kesannya lebih jelas.

Dalam pilihan raya kompetitif, beberapa ratus ringgit tambahan dalam pendapatan, peluang pekerjaan lebih baik atau keyakinan ekonomi bergerak ke arah yang betul boleh menentukan daripada beribu-ribu video politik bermain dengan kemarahan.

Lebih penting ialah reformasi institusi. Di sinilah kerajaan mempunyai peluang menukar 'reformasi' daripada nostalgia perjuangan menjadi bukti pentadbiran.

Rang Undang-Undang (RUU) Kebebasan Maklumat 2026 dibentangkan dan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

Pemisahan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya juga sudah bergerak melalui pindaan Perlembagaan dengan cadangan memperkukuh peranan Parlimen dan mengurangkan campur tangan eksekutif dalam pelantikan Pendakwa Raya.

Kerajaan turut bergerak ke arah Ombudsman Malaysia sementara Anwar baru-baru ini mengumumkan pemansuhan penuh Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan memulakan proses membentuk kerangka baharu lebih menekankan autonomi universiti serta kebebasan akademik.

Referendum prestasi kerajaan

Jika semua ini dapat diselesaikan atau sekurang-kurangnya dibawa ke tahap tidak mudah dipatah balik sebelum PRU16, kerajaan akan memasuki pilihan raya dengan jauh lebih kuat daripada naratif selamat, iaitu rekod reformasi boleh diperiksa.

Anwar tidak semestinya perlu 'merebut kembali cerita mengenai dirinya'. Apa yang lebih penting ialah memastikan rakyat tidak perlu mempercayai cerita sesiapa. Biarkan mereka melihat hasilnya.

Sekiranya dalam baki penggal kerajaan

berjaya meningkatkan pendapatan boleh guna, memperbaiki penyampaian subsidi bersasar, menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi, memperluas pekerjaan bergaji baik dan menyiapkan reformasi institusi utama, naratif Anwar 'semakin lemah' akan kehilangan tenaga dengan sendirinya.

Persepsi negatif paling berkesan apabila realiti tidak menawarkan bukti balas. Apabila rakyat sendiri merasakan perubahan, propaganda menjadi lebih sukar.

Gabungan pembangkang juga tidak boleh mengandaikan penyatuan sentimen anti-PH secara automatik menghasilkan mandat untuk memerintah.

Persoalan mengenai calon Perdana Menteri, pembahagian kerusi, dasar ekonomi, hubungan antara parti dan kedudukan Sabah serta Sarawak tetap menjadi perkara menimbulkan pertikaian tajam.

Menyatukan undi protes jauh lebih mudah daripada membina sebuah kerajaan dipercayai mampu mengurus ekonomi dan institusi negara.

Justeru, PRU16 tidak semestinya menjadi pertandingan antara 'naratif Anwar' dengan 'naratif anti-Anwar', malah ia lebih berpotensi menjadi satu referendum terhadap prestasi kerajaan.

Anwar masih mempunyai masa lebih setahun. Jika tempoh ini digunakan secara agresif menyiapkan reformasi institusi dan memastikan pertumbuhan ekonomi dapat diterjemahkan kepada kesejahteraan rakyat, maka politik prestasi akan mempunyai kelebihan jauh lebih besar daripada politik emosi.

Rakyat juga semakin sukar digerakkan hanya dengan ketakutan, kemarahan dan simbol. Mereka mahu tahu siapa boleh mentadbir, memperbaiki kehidupan mereka dan siapa berani membina institusi lebih baik daripada diwarisi.

Pada PRU16 nanti kemungkinan besar bukan siapa mempunyai cerita paling dramatik akan menang, tetapi siapa mempunyai rekod kerja paling meyakinkan.

